

dengan idea yang dilontarkan oleh wanita tersebut.

"Assalamualaikum. Prof. Shawa. Saya Abdul Fahim dari Malaysia. Saya yang" Prof. Shawa tersenyum.

"Oh ya ... Abdul Fahim. Rakan Hammadi ya?" Belum sempat menghabiskan ayat, Prof. Shawa lantas mencelah dengan nada teruja.

"Hammadi, tolong bawa Fahim ke pejabat ibu, ya. Sekejap lagi ibu ke sana". Arahan yang lembut itu segera dipatuhi oleh Hammadi.

Tanpa disangka, Fahim telah berada di Universiti Islam Gaza untuk bertemu dengan Prof. Dr. Dima Shawa, seorang tokoh akademik dalam bidang seni bina. Beliau aktif bergiat aktif pdalam pemuliharaan bangunan warisan sejarah di Palestin. Beliau juga tidak asing dalam kalangan rakyat Palestin. Selain sumbangan dalam bentuk intelektual, beliau juga aktif sebagai sukarelawan dalam komuniti setempat.

"Assalamualaikum," sapa suara dari arah belakang. Fahim membalas salam yang diberi. Dia meletakkan semula buku yang dipegangnya. Prof. Shawa tersenyum.

"Kalau hendak baca buku itu, ambil sahaja," balasnya. Fahim tersengih.

"Saya tidak boleh berbahasa Arab," akui Fahim dengan jujur. Tidak tahu mengapa perbualannya dengan Prof. Shawa terasa selesa meskipun baru bersua. Mungkin kerana sapaannya yang bersahaja.

"Al-Aflaj ... Pernah dengar mengenainya?" Soal Prof. Shawa sambil memegang buku tersebut. Fahim menggeleng. Memang benar dia belum pernah mendengarnya.

"Al-Aflaj merupakan sistem pengairan kuno buatan manusia yang bersumberkan sama ada mata air bawah tanah, pergunungan, air sungai, kolam atau wadi. Al-Aflaj hanya terdapat di beberapa negara Arab, tetapi yang paling popular digunakan hingga kini terdapat di Oman." Jelas Prof. Shawa sambil menyelak-nyelak halaman buku tersebut. Setiap kali halaman buku diselak, maka terpaparlah beberapa foto terusan kecil yang melalui

celahan pohon tamar, kebun sayuran dan kawasan kediaman. Jika di Malaysia, pasti mudah membuat telahan bahawa *al-Aflaj* sekadar sebuah parit. Fahim mengamati foto-foto yang terpamer sambil mengangguk kecil.

"Sudah lama mengenali Hammadi?" Soal wanita itu ramah.

"Kami rakan sekuliah sewaktu di universiti dulu." Jelas Fahim sambil berbalas senyuman dengan sahabatnya itu.

"Alhamdulillah. Hammadi ada beritahu ibu, Fahim seorang ahli Geologi dalam bidang hidrologi dan sudah ada hasil penyelidikan tentang penilaian kualiti air bawah tanah di Genting Gaza," ujar Prof. Shawa dengan penuh teratur. Fahim tersenyum.

"Tidaklah pakar. Sekadar membantu Hammadi yang kebetulan memperoleh geran penyelidikannya berkaitan dengan Tahap Kualiti Air Bawah Tanah di Gaza. Tetapi saya berbesar hati dapat menyumbang bakti di bumi Gaza," balas Fahim Ikhlas. Mulut Prof. Shawa tidak putus-putus mengucap syukur.

"Sebagai tetamu, saya hendak pelawa Fahim ke rumah saya. Kita berbual panjang di sana saja. Boleh kenalkan kepada anak-anak saya." Jelasnya sambil mencapai buku *Aflaj al-Ain* lantas di simpan ke dalam begnya. Mereka keluar meninggalkan tempat itu menaiki kereta yang dipandu oleh Hammadi. Sepanjang perjalanan, Fahim tidak sempat mengelamun kerana Hammadi dan Prof. Shawa silih berganti bercerita tentang tempat yang dilalui. Perjalanan selama 20 minit itu membawa mereka di hadapan beberapa buah bangunan. Belum sempat Fahim keluar dari kereta, kedengaran beberapa orang kanak-kanak berlari menghampiri mereka. Fahim terpinga-pinga. Prof. Shawa dengan mesra merangkul anak-anak itu. Ada kanak-kanak lelaki dan perempuan. Hampir sepuluh orang semuanya. Malah mereka hampir sebaya.

Fahim dipelawa masuk ke rumah di tingkat dua. Prof. Shawa mempersilakan Fahim duduk dan beristirahat di ruang tamu yang kecil. Kanak-kanak tadi turut duduk mengerumuninya. Mereka sungguh sopan dan mendengar kata. Mereka mengerumuni Prof. Shawa ke bahagian dapur dan membantu Prof. Shawa menghidangkan makanan buat tamu nan seorang.

"Jemput makan Fahim," pelawa Prof. Shawa. Fahim menurut.

"Abeer, bacakan doanya," patuh sepertimana disuruh oleh wanita yang dipanggilnya ibu, Fahim menadah tangan mengaminkan doa makan.

"Inilah anak-anak saya," Prof. Shawa memulakan perbualan. Belum sempat Fahim bertanyakan sesuatu, Hammadi menambah;

"Mereka semuanya anak yatim daripada ibu bapa yang syahid," Fahim terdiam. Perasaan sudah mula



bercampur baur. Kesemua mereka tidak menghiraukan perbualan Hammadi dan Fahim, malah tekun menjamah kepingan roti Taboon yang dicicah bersama-sama daging kisar dalam sos tomato yang disebut sebagai Kafta bi Bandora.

Seorang pun tidak bersuara. Cukup tertib.

"Hammadi ialah anak saudara saya. Dia juga yatim piatu sejak kecil," kata Prof. Shawa. Fahim lantas merenung Hammadi dengan penuh tanda tanya.

"Masya-Allah. Tidak pernah pula diceritakan kepada saya sebelum ini," Fahim menepuk bahu Hammadi. Lelaki itu sekadar tersenyum. Ketika menyuap sekeping lagi taboon ke mulut, Fahim terkejut apabila Hammadi pula memulakan kata:

"Ibu saudara saya juga sebatang kara. Suaminya meninggal dunia di penjara Beersheba pada tahun 2016. Manakala dua anak lelakinya Sammir dan Bashaar pula syahid tiga tahun lalu," Fahim menarik nafas dalam. Di sebalik personaliti yang hebat, rupanya dia menyimpan seribu kepahitan dalam diri. Setelah tiada apa yang tinggal, dia menginfakkan dirinya untuk menjaga anak-anak yatim piatu. Hebat wanita ini. Bisik hati Fahim.

Selesai makan tengah hari, sambil bersandar menikmati secangkir teh yang dihidang, Fahim memandang ke arah deretan bangunan batu, iaitu rumah kediaman yang saling bertentangan antara satu sama lain. Kem Pelarian Jabalia telah dibina untuk pelarian yang rumah dan tanahnya dirampas dalam peristiwa petaka terbesar bagi rakyat Palestin pada tahun 1948. Prof. Shawa membuka bicara:

"Kami sering menyimpan angan-angan agar dapat bersiar-siar dengan bebas sambil menikmati keindahan dan kesegaran udara pergunungan Hebron, tanah tinggi Ramallah, lautan di Jericho dan pantai sekitar Haifa serta keindahan seni bina klasik menara masjid di Baitulmaqdis," Fahim memandang tanpa kata. Tidak ada kata yang mampu menjadi penawar kepada keperitan yang dilalui oleh rakyat Palestin. Prof. Shawa lantas menambah:

"Tak apalah, jika bukan pada zaman saya, semoga berlaku pada zaman anak-anak ini," Fahim tersenyum. Tetap tidak mampu dibalas dengan kata-kata.

"Saya bercita-cita untuk mereka bentuk sistem pengairan di Gaza yang menyerupai sistem Aflaj di Oman dengan menumpu aliran ke kawasan kem pelarian," Fahim memandang wajah wanita itu. Ternyata dia serius. Fahim begitu tertarik dengan kata-kata itu.

"Keperluan air di Genting Gaza sememangnya kritikal. Sumber air bersih dikawal penjajah. Malah perlu dibeli. Telaga yang digali dikhianati dengan memasukkan simen ke dalamnya agar tidak dapat diguna. Tangki penyimpanan air utama di bom. Bekalan air bersih dari negara luar disekat," ujar Prof. Shawa sambil merenung jauh. Fahim masih tekun mendengar dan hanya mengangguk tanda faham.

"Jadi saya fikir, tidak salah kiranya kaedah kuno digunakan semula untuk kelangsungan hidup. Jika tidak dapat menampung semua keperluan harian, sekurang-kurangnya berguna untuk meneruskan hidup dalam kawasan yang kerap berperang," Fahim terdiam memikirkan begitu cerdasnya wanita separuh abad itu berfikir. Wanita itu memanfaatkan kepakarannya untuk diinfakkan sebagai jihad.

Malam itu, Fahim menumpang bermalam di kediaman Prof. Shawa. Fahim terpaut hati dengan suasana penuh kasih sayang yang dilimpahkan oleh seisi keluarga. Setelah anak-anak itu tidur, Prof. Shawa dengan dibantu limpahan cahaya daripada sebuah kandil, tekun melakar sesuatu di atas lembaran sebuah buku. Fahim yang masih berusaha melelapkan mata di samping kanak-kanak lelaki yang bergelimpangan tidur di ruang tamu, hanya mencuri pandang dari tempat tidurnya. Menurut Hammadi, begitulah keadaan ibu saudaranya pada setiap malam setelah anak-anak tidur. Pasti ada sahaja kerja yang ingin dilakukan dengan hanya berteman cahaya kandil.

Ingatan terhadap perbualan di Kem Pelarian Jabalia tiga bulan lalu membuatkan Fahim tidak sabar untuk kembali semula ke bumi para anbiya untuk bertemu dengan Prof. Shawa. Menurut Hammadi, ibu saudaranya telah menghasilkan lakaran aliran sistem Aflaj yang dipetakan mengikut data taburan air bawah tanah yang diperoleh melalui teknologi sistem maklumat geografi atau GIS yang mereka berdua gunakan semasa terlibat dalam penyelidikan dahulu.

Sudah pasti setiap usaha yang dilakukan pasti mempunyai cabarannya. Sebanyak 96.2 peratus air dari telaga di Genting Gaza tidak memenuhi standard Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai air minuman, perkara tersebut meresahkan Fahim. Namun begitu, Fahim yakin bahawa tidak ada perkara yang mustahil di Gaza, bumi yang penuh barakah. Pembinaan Aflaj sebagaimana yang diimpikan oleh wanita itu tidak mustahil. Hammadi berkata bahawa beberapa hari lalu, ibu saudaranya sudah membawa perkara tersebut ke perbincangan selanjutnya bersama-sama Pihak Berkuasa Air Palestin. Termasuklah juga kaedah atau penggunaan teknologi yang paling asas untuk merealisasikan hasrat tersebut.

Fahim meraup wajah berkali-kali dan sesekali jari jemari menyisir rambutnya ke belakang. Perkara yang baru didengarnya itu meresakkannya. Dia terus membuka komputernya untuk mendapatkan berita terkini dari stesen berita Al-Jazeera, CNN dan sebagainya. Ternyata peperangan antara Hamas dengan Israel telah tercetus pada tanggal 7 Oktober. Hammadi menghubungi Fahim dan menyatakan ereka sekeluarga

selamat. Walau bagaimanapun, Fahim terpaksa melupakan hasrat untuk berlepas ke Gaza kerana semua laluan masuk ke kawasan yang diisytiharkan perang telah ditutup.

Hammadi mengirimitkan e-mel yang mengandungi lakaran hasil tangan Prof. Shawa yang membuat pemetaan sistem pengairan *Aflaj* yang disambungkan daripada telaga air yang terdapat di Semenanjung Gaza. Sekali lagi dia kagum akan hasil kerja yang dihasilkan oleh tokoh akademik tersebut. Fahim menggapai buku *Aflaj al-Ain* yang dihadiahkan kepadanya. Ketika itu, Fahim masih ingat akan pertanyaannya pada wanita yang dipanggil ibu itu;

"Ibu sangat optimis terhadap usaha ini biarpun terdapat banyak halangan. Apa yang membuatkan ibu sangat yakin?"

"Sudah 75 tahun rakyat Palestin tidak berhenti berharap untuk memiliki kembali rumah dan tanah yang dirampas. Untuk itu, kita perlu terus hidup untuk memilikinya kembali. Untuk hidup, keperluan asas terutamanya air menjadi keutamaan. *Aflaj* di Oman ada yang berusia 5000 tahun, lebih tua dari sejarah Palestin. Mana tahu, kaedah yang sama boleh dimanfaatkan di sini juga," Fahim memeluk buku tersebut.

Air mata lelaki tidak bisa dibendung lagi apabila terlihat berita yang tersiar di Al Jazeera.


"Profesor Universiti Islam Gaza Terbunuh dalam Serangan di Kem Pelarian Jabalia - Prof. Dr. Dima Shawa."

Tajuk berita yang terpampang beserta foto wajah insan yang dikaguminya memenuhi skrin komputernya. Carian mengenai "pengeboman Kem Pelarian Jabalia" memperlihatkan kemusnahan dahsyat yang

menghilangkan identiti Kem Pelarian Jabalia yang pernah menjadi tempat persinggahannya beberapa bulan lalu. Lantas bagaimana dengan nasib Hammadi dan anak-anak di bawah jagaan Prof. Shawa?

Menurut laporan terbaharu yang disiarkan oleh Pejabat Media Kerajaan Gaza, sebanyak 195 orang disahkan terbunuh, 120 orang masih hilang dan 777 orang lagi mengalami kecederaan. Fahim tahu dengan tersiernya berita sebegini, dia hanya mampu memanjatkan doa agar dikurniakan keajaiban kepada sahabatnya itu.

Krisis kemanusiaan di Gaza masih tidak menampakkan tanda berakhir meskipun hampir dua bulan berlalu. Fahim merenung gulungan kertas digenggamannya. Hasil lakaran tangan reka bentuk sistem pengairan *Aflaj* di beberapa buah kem pelarian. Itulah bingkisan terakhir seorang srikandi buat dirinya. Merenung tembok tertulis "Embassy of The State of Palestine," Fahim melangkah masuk ke pagar utama pejabat kedutaan itu dengan membulatkan tekad menyerahkan lakaran tersebut beserta hasil laporan penyelidikannya bersama-sama Hammadi. Laporan tersebut lebih layak dimiliki oleh penjaga tanah waqaf itu. Mana tahu, jika bukan sekarang, suatu hari nanti akan menjadi kenyataan yang membahagiakan penduduk kem pelarian di Gaza.

Untuk Fahim sendiri, biarlah memori itu terus menghiasi album kenangan dirinya. Mudah-mudahan kelak kami dipertemukan kembali di alam lain yang tiada duka nestapa. Betapa luluh hatinya tatkala terbayangkan sosok srikandi sedang tekun menyiapkan lakaran ini. Lakaran harapan di malam hari dengan berteman cahaya kandil. 'Umpama sirna cahaya kandil di bumi nestapa,' bisik Fahim sambil menyeka air mata. 



Sirna Cahaya Kandil di Bumi Nestapa

“Tuan berdua duduk di sini dulu,” kata wanita yang memperkenalkan dirinya sebagai Djamila, pembantu penyelidik yang bertugas di situ. Lembut dan penuh sopan. Fahim tersenyum sambil mengangguk. Djamila membukakan pintu sebuah bilik yang tertera tulisan Director of Architectural Centre for Heritage.

Fahim dan Hammadi masuk. Namun Fahim tidak terus duduk kerana pandangannya telah tertancap pada koleksi buku dan kitab yang terdapat di rak kayu kepunyaan wanita pemilik nama Prof. Dr. Dima Shawa ini. Di mana-mana sahaja terdapat buku. ‘Sesuailah dengan kesarjanaan tuan punya diri,’ bisik hati Fahim, namun perkara yang lebih menarik perhatiannya adalah sebuah buku yang berada di atas meja yang diletakkan berasingan dari susunan buku yang lain. Keadaan buku terbuka tetapi ditelungkupkan hingga mendedahkan bahagian kulit buku. Disebabkan itu, Fahim dengan mudah dapat membaca judul buku yang tertera yang berjudul Aflaj al-Ain oleh Aysha Khamis Ali al-Dhaheri yang ditulis dalam Bahasa Arab sepenuhnya. Fikiran Fahim melayang ke momen sewaktu dia berada di International Conference on Architectural History and Cultural Architecture.

“Kami penduduk Gaza sudah biasa dengan bedilan. Sesudah dibedil beberapa kali, kediaman, bangunan dibina kembali di atas tapak yang sama. Anda mungkin berasa aneh, tetapi itulah realiti kami. Insyallah, yang dibedil itu hanyalah kediaman, tetapi selagi hidup, kita diberi ilham dan fikiran, maka kita tidak boleh berhenti berfikir. Maka itu, saya telah ilhamkan kepada mereka sebuah bentuk prototaip kediaman jenis bina sendiri dengan mengekalkan teknologi hijau, fleksibel dan mampu milik. Kediaman itu direka bentuk supaya sesuai

dibina di atas pasir dan kesan runtuh hasil bedilan bagi memberikan perlindungan kepada wanita dan kanak-kanak serta komuniti.” Serentak itu, paparan skrin di dewan persidangan menayangkan lakaran prototaip kediaman yang direka bentuk oleh Prof. Dr. Shawa. Semua hadirin kelihatan terpesona.

“Selepas peperangan besar antara Israel dengan Hamas berlaku pada tahun 2014, memang terdapat beberapa agensi antarabangsa memberi bantuan berbentuk pembinaan semula penempatan penduduk. Disebabkan ketidaksesuaian cuaca dengan binaan yang diperbuat daripada kayu, maka prototaip tersebut merupakan penambahbaikan kepada yang sedia ada bagi menampung keperluan mereka yang mempunyai ahli keluarga yang banyak termasuklah keperluan alat pendingin dan pemanas.” Begitulah bait kata-kata penuh jitu dan jelas yang diucapkan oleh seorang wanita yang separuh abad usianya. Kata-katanya itu disambut dengan tepukan gemuruh peserta konferens yang memenuhi dewan. Fahim kagum. Figura seorang wanita yang sebaya ibunya, berhijab sopan, penuh sifat keibuan, tenang dan bersahaja tetapi penuh yakin menyerlahkan kewibawaan dirinya. Fahim ingin mengenalinya dengan lebih dekat.

Selepas pembentangan tersebut, Fahim menunggu peluang untuk menyapa Prof. Shawa, namun tidak mudah kerana begitu ramai yang mengerumuninya. Barangkali mereka juga sama seperti Fahim yang seakan terpekau